



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)**

---

#### **DATUK IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR DILANTIK SEBAGAI KETUA SETIAUSAHA BAHARU MESTECC**

**Tiga jurutera wanita terajui MESTECC untuk memperkasa  
agenda tenaga, sains, teknologi, alam sekitar dan  
perubahan iklim negara ke tahap yang lebih cemerlang**

---

**29 November 2019, Putrajaya** – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) hari ini mengumumkan pelantikan YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir sebagai Ketua Setiausaha MESTECC berkuat kuasa 29 November 2019.

Pelantikan YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah ini adalah bagi menggantikan YBhg. Datuk Seri Dr. Azhar bin Haji Yahaya yang bersara pada 6 November 2019 setelah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha MESTECC sejak penubuhannya pada 16 Julai 2018. MESTECC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Azhar yang telah menunjukkan ketokohan dan memainkan peranan penting dalam pembentukan MESTECC serta mencapai pelbagai kejayaan dalam pelaksanaan program-program berimpak tinggi.

YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah mempunyai kelulusan PhD dalam bidang Kejuruteraan Awam dari University of Leeds, United Kingdom, Sarjana Kejuruteraan Sains, Universiti of Lowell, Massachusetts, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari New England College, Amerika Syarikat.

YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah sebelum ini menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah di Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak Januari 2017. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM pada tahun 2013 dan Timbalan Ketua Pengarah (IPTS) dari tahun 2009. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mulai 2006 hingga 2009. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pensyarah di UTM pada tahun 1987.

Dengan pelantikan YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah, MESTECC kini diterajui oleh tiga orang wanita berlatarbelakangkan kejuruteraan.

YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mempunyai Sarjana Kejuruteraan Kimia dari Universiti Cambridge, manakala YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis, Timbalan Menteri pula merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik dan Elektronik dari Universiti Malaysia Sabah dan kini sedang di peringkat akhir menyiapkan disertasi Sarjana Minyak dan Gas di universiti yang sama.

MESTECC yang merupakan gabungan keseluruhan komponen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), komponen tenaga dan teknologi hijau daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan komponen berkaitan perubahan iklim dan alam sekitar daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), menerapkan nilai-nilai Kementerian iaitu integriti, kecemerlangan dan fokus masa hadapan dalam melaksanakan polisi Kementerian.

Kementerian yakin bahawa pelantikan YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah bersama gabungan YB Menteri dan Timbalan Menteri akan dapat melonjakkan agenda sains dan teknologi negara ke tahap yang lebih tinggi serta memperkasakan visi kemampuan tenaga kelestarian alam sekitar dan tindakan perubahan iklim sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

- **TAMAT** -

---

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Rosyila binti Abdul Latif  
Pegawai Perhubungan Awam  
Unit Komunikasi Korporat,  
MESTECC  
No. Tel: 603-88858141

Dikeluarkan pada 29 November 2019, pukul 2.30 petang

## **LATAR BELAKANG YBHG. DATUK IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR**

### Pendidikan

- PhD dalam bidang Kejuruteraan Awam dari University of Leeds, United Kingdom
- Sarjana Kejuruteraan Sains, Universiti of Lowell, Massachusetts, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, New England College, Amerika Syarikat

### Kerjaya

- 1987 : Pensyarah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 2006 - 2009 : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 2009 : Pengarah, UTM International Campus, Kuala Lumpur
- 2009 - 2013 : Timbalan Ketua Pengarah (IPTS), Jabatan Pengajian Tinggi,  
Kementerian Pengajian Tinggi (KPM)
- 2013 - 2017 : Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Jabatan  
Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPM)
- 2017 - 2019 : Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian  
Pendidikan Malaysia (KPM)
- Mulai 29 : Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
November 2019 Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)